

Rakyat Selangor Perlu Pilih BN Untuk Masa Depan Yang Lebih Terjamin
Bernama
3 Januari, 2013

SHAH ALAM, 3 Jan (Bernama) -- Rakyat Selangor perlu memilih sebuah kerajaan yang berpandangan jauh dan memikirkan nasib rakyat untuk jangka masa panjang seperti Barisan Nasional (BN) daripada pakatan pembangkang yang hanya memikirkan kepentingan politik mereka semata-mata, kata Timbalan Pengerusi BN Selangor Datuk Seri Noh Omar.

Natijahnya kedegilan kerajaan pimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) membenarkan pembinaan loji rawatan air Langat 2, Selangor mungkin akan menjadi negeri yang mundur kerana gagal menarik pelaburan baru kerana masalah bekalan air, katanya.

"Bagaimana kerajaan negeri boleh mengeneipkan dan menidakkan (Langat 2) sebab projek yang dirancang oleh kerajaan Barisan Nasional 16 tahun dahulu yang kita dah nampak menjelang 2014 Selangor akan hadapi masalah air," katanya kepada pemberita di sini, Khamis.

Noh, yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata demikian ketika ditemui semasa lawatan kerja Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin di Sekolah Kebangsaan Alam Megah 2 Seksyen 27 di sini.

Katanya projek Langat 2 yang dirancang bersama dengan pakar-pakar dalam negara itu dibuat dengan bantuan kerajaan Jepun.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919224>